

Bapa Normala meninggal dunia

KOTA TINGGI: “Ketika saya dan suami (Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid) serta adik, Badrolhis-ham melawatnya Jumaat minggu lalu, ayah terlalu gembira.

“Bagaimanapun, kami sekeluarga reda dengan ketentuan Ilahi dia sudah meninggal dunia,” kata Datin Seri Normala Shamsuddin.

Bapa Normala, Shamsuddin Mohd Zin, 63, yang menghidap penyakit kencing manis, buah pinggang, jangkitan paru-paru dan gout meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru, jam 8.40 pagi semalam.

Katanya, selepas pertemuan minggu lalu, pihak HSA memaklumkan kesihatan bapanya bertambah baik.

Bagaimanapun, katanya, bapanya kritikal semula sebelum koma kelmarin dan meninggal dunia, semalam.

“Walaupun bapa tidak dapat bercakap dalam pertemuan terakhir itu, jelas reaksinya gembira.

“Sejak empat tahun kebelakangan ini bapa kerap dimasukkan ke hospital ke-



ZIARAH...Azmi (tiga dari kiri) memerhati Normala menjirus air di pusara ayahnya, semalam.

rana penyakit asma,” katanya.

Normala berkata, bapanya dimasukkan ke Hospital Kota Tinggi (HKT) lapan hari sebelum dipindah ke HSA.

Shamsuddin yang menjadi peneroka Felda B Aping Timur sejak 1976 meninggalkan lapan anak 17 cucu termasuk empat orang bekas isterinya, Ra Buyong. 68.